

USIM anjur program sukan, rekreasi

NILAI - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bakal menganjurkan pelbagai program berteraskan sukan dan rekreasi sempena dengan pembukaan semester baru sesi Julai 2007/2008.

Pegawai Sukan USIM, Nur Ekmal Buhary berkata, antara aktiviti yang bakal dilaksanakan ialah Pelancaran Program Penggalakan Sukan dan Sukan Jalinan Mesra USIM 2007 pada 19 Julai bersempena dengan Hari Keputeraan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Jaafar Tuanku Abdul Rahman.

“Selain itu, pameran dari setiap pasukan dan agensi su-

kan luar, acara sukan Jalinan Mesra Futsal, bola jaring, bola tampar, sepak takraw dan frisbee turut akan diadakan,” katanya ketika ditemui *KOSMO!* semalam.

Sementara itu, beliau berkata, Unit Sukan USIM bakal menganjurkan klinik dan pertandingan paintball tertutup USIM bertempat di pekarangan Kompleks Sukan USIM di Nilai pada 28 dan 29 Julai 2007.

Keterangan lanjut boleh hubungi Unit Sukan USIM di talian 06-7988359/8362/8351 atau layari <http://infosukan.kuim.edu.my> <<http://infosukan.kuim.edu.my/>